

BAB 4

4.1 : DEFINISI DAN KONSEP NASIONALISME MELAYU.

Menurut Kamus Dewan, perkataan “nasionalisme” bermakna perasaan cintakan bangsa sendiri yang mendalam, perasaan mencintai negara dan bangsa sendiri. Manakala “Melayu” pula ditakrifkan sebagai nama suatu bangsa dan bahasa terutama di Semenanjung Malaysia, mengikut cara hidup Melayu dan beragama Islam.¹

Nasionalisme Tanah Melayu merupakan suatu gerakan yang bersifat tempatan yang menuju kepada pembentukan sebuah negara bangsa. Ianya bersifat tempatan kerana nasionalisme di Tanah Melayu ini mengambil kira terhadap segala bentuk, corak, rupa, unsur-unsur dan isu-isu tempatan yang bergerak kepada satu kesatuan. Oleh sebab itu, mana-mana gerakan nasionalisme yang tidak mengambil kira soal tempatan ini tidak dapat diterima sebagai perjuangan nasionalisme Tanah Melayu.²

Umumnya, terdapat dua takrif yang berbeza tentang perkataan nasionalisme. Pertama, wujudnya kesedaran sekumpulan manusia yang mempunyai persamaan dari segi ras, agama, bahasa dan kebudayaan. Sebagai contoh ialah nasionalisme Melayu yang berakar umbi pada abad ke 16 dan sampai ke kemuncaknya pada tahun 1946 iaitu dengan tertubuhnya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) untuk menentang *Malayan Union*. Takrif kedua perkataan nasionalisme ialah kesedaran yang

membawa kepada penyatuan di kalangan sekumpulan manusia yang tinggal dalam satu batasan politik yang sama tetapi tidak semestinya mempunyai persamaan dari segi ras, agama, bahasa dan kebudayaan. Apa yang penting ialah rasa cinta dan kesetiaan yang mendalam terhadap tanah air sehingga sanggup berkorban nyawa dalam mempertahankan negara.³

Selama ini, sebahagian besar masyarakat memahami bahawa orang Melayu adalah sebagai salah satu etnik Muslim yang tinggal di Malaysia. Namun, menurut fakta sejarah, Melayu asalnya adalah nama satu etnik yang tinggal di daerah Riau-Lingga, Sumatera, Indonesia. Jika dibandingkan dengan etnik yang lain di gugusan Nusantara ini, etnik Melayu adalah minoriti pada ketika itu, namun ianya menjadi besar yang tersebar di seluruh Nusantara meliputi negara Malaysia, Indonesia, Filipina, Brunei, Singapura, Thailand, Burma, Vietnam, Myanmar, Sri Lanka, Afrika Selatan dan juga di lain-lain tempat yang berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu. Namun, ada juga yang cuba mengaitkan Melayu itu secara terus dengan semangat kebangsaannya yang sangat kuat atau nasionalisme.⁴

Menurut Cheah Boon Kheng, nasionalisme ditakrifkan sebagai satu corak termasuklah perasaan bangsa, bahasa, kebudayaan dan konsep negara bangsa atau “*nation state*” serta yang berkaitan kewarganegaraan. Pada umumnya, nasionalisme membawa maksud fahaman kebangsaan. Biasanya nasionalisme merujuk bangsa dan negara. Dalam konteks penjajahan di Asia Tenggara, nasionalisme secara khusus membawa pengertian kepada

satu kesedaran yang membangkitkan semangat dengan tujuan untuk mendapatkan kebebasan dan kemerdekaan.⁵

Namun, istilah nasionalisme sebagai semangat kebangsaan juga tidak akan hanya melibatkan batas-batas sempadan tertentu. Ini dapat dilihat apabila Indonesia melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia dan ia menganggap pembentukan Malaysia sebagai '*neo-kolonialisme*'. Seperti mana yang dinyatakan oleh Lea E. Williams⁶:

"As the formation of Malaysia neared completion, denunciation of the plan grew in volume in neighboring Indonesia and the Philippines. Sukarno attacked the idea as 'neo-colonial'; in Manila, old and dubious claims of Philippine sovereignty over Sabah were resurrected".

Pengertian nasionalisme seperti yang diterangkan oleh Muhammad Abu Bakar.⁷

"Nasionalisme ala Melayu adalah berbeza dari nasionalisme ala Barat. Nasionalisme Melayu tidak bersifat angkuh, nasionalisme Melayu menjunjung tinggi maruah manusia, dan nasionalisme Melayu bertindak untuk menyatupadukan bangsa dan memberikan kekuatan".

Menurut Abdul Latif Abu Bakar, beliau menghuraikan nasionalisme sebagai satu gerakan kesedaran yang menumpukan perhatian bagi menentukan nasib sendiri, bangsa dan negara untuk mencapai kebebasan dan kesejahteraan serta memupuk keperibadian sejati. Ini berpunca daripada tekanan dan pengaruh asing atau penjajah sehingga anak negara lemah dan tertinggal dalam lapangan ekonomi, sosial, politik dan kebudayaan.⁸

Selain itu, bagi orang Melayu di negara ini, semangat nasionalisme itu juga berasaskan kepada faktor lain yang saling berkait antara satu sama lain yang mana kesedaran nasionalisme di kalangan orang-orang Melayu itu mempunyai hubungan yang rapat dengan kepentingan agama Islam itu sendiri. Ini adalah kerana kesedaran atau kebangkitan semangat kebangsaan orang-orang Melayu itu tidak boleh dipisahkan daripada agama Islam yang merupakan sebagai penggerak utama dalam kehidupan. Oleh kerana itu, kebangkitan nasionalisme terawal adalah di kalangan golongan agama, kerana golongan agama sangat berpengaruh kepada orang ramai, terutamanya di peringkat kampung. Ini juga telah menimbulkan persoalan di kalangan mereka yang berpegang kuat dengan ajaran Islam seperti guru-guru agama yang baru pulang dari Timur Tengah dan juga pemimpin-pemimpin agama tempatan. Atas kepentingan dan pergerakan Islam itu, maka ianya telah melahirkan kekuatan di kalangan umat Islam itu sendiri, khususnya orang-orang Melayu di Tanah Melayu ini.

4.2 : SEJARAH NASIONALISME MELAYU.

Ada pendapat mengatakan bahawa semangat nasionalisme Melayu telah mula wujud di Tanah Melayu sejak dari adanya penentangan terhadap kuasa luar atau penjajah semasa pemerintahan Kesultanan Melaka lagi.⁹ Namun begitu, terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa semangat nasionalisme Melayu ini adalah suatu gejala baru yang hanya wujud sekitar tahun-tahun 1930an.¹⁰

Percanggahan pendapat tentang bilakah semangat nasionalisme Melayu ini bermula adalah disebabkan pentakrifan yang diberikan kepada perkataan nasionalisme itu berbeza-beza mengikut pandangan para penulis itu sendiri.¹¹

Selain dari itu, penentangan juga berlaku selepas termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20hb Januari 1874, penentangan pembesar-pembesar dan orang Melayu Perak ke atas Inggeris iaitu peristiwa Pasir Salak pada 1875, penentangan campur tangan Inggeris dalam pentadbiran Daerah Naning berhampiran Melaka yang diketuai oleh Dol Said pada 1831-1832, pemberontakan pembesar-pembesar Pahang yang dipimpin oleh Datuk Bahaman dan Tok Gajah pada 1891-1895, pemberontakan Kelantan yang dipimpin oleh Haji Mat Hassan atau lebih dikenali sebagai Tok Janggut pada 1915 dan juga pemberontakan Terengganu yang dipimpin oleh Haji Abdul Rahman Limbong pada 1928.

Tahap awal nasionalisme Melayu ini merupakan tahap tentangan yang menggunakan kekuatan fizikal, manakala pada tahap kedua pula, iaitu sekitar tahun 1920an penentangan dilakukan dengan menggunakan daya keintelektualan. Semangat anti penjajah ini mula ditanamkan oleh bekas pelajar Melayu yang kembali dari Kaherah yang berpendidikan agama. Menerusi akhbar-akhbar yang mereka terbitkan seperti *Al-Imam*, *Al-Ikhwan*, *Saudara*, *Seruan*, *Azhar*, *Idaran Zaman* dan *Pilihan Timur*, tokoh-tokoh seperti Sheikh Tahir Jalaluddin, Yunus Abdul Hamid dan Syed Syeikh Al-

Hadi telah berjaya membangkitkan semangat orang Melayu untuk keluar dari kemunduran dalam bidang ekonomi, pendidikan dan politik. Selain dari itu, orang-orang Melayu juga perlu membebaskan diri mereka dari kongkongan pihak penajah.¹²

Kegiatan nasionalisme di Tanah Melayu dapat dibahagikan kepada tiga peringkat yang bergerak secara turutan atau kronologi. Pembahagian ini terjadi kerana wujudnya pelbagai corak dan kepimpinan di dalam kumpulan-kumpulan yang memperjuangkan nasionalisme tersebut. Tahap atau peringkat kegiatan nasionalisme tersebut adalah seperti berikut :¹³

- a) Tahap 1 iaitu dari tahun 1941 hingga 1945.

Pada peringkat ini gerakan nasionalisme Melayu yang dipimpin oleh golongan radikal seperti Ibrahim Haji Yaakob, Dr Burhanuddin al-Helmy dan Ishak Haji Mohamad. Tahap ini telah memperlihatkan satu kegiatan nasionalisme yang lebih matang dari sebelumnya. Para pemimpin nasionalisme Melayu ketika itu telah memberikan bantuan kepada pihak Jepun dengan diberikan beberapa jawatan pentadbiran Jepun di Tanah Melayu. Sebahagian besar raja Melayu, pembesar Melayu, rakyat bawahan dan golongan radikal Melayu telah menjadi pro penajah Jepun. Namun, usaha untuk mendapatkan kemerdekaan bersama Indonesia pada pertengahan 1945 telah menyatukan antara golongan kiri dan kanan. Golongan kiri telah memimpin usaha ini yang diketuai oleh Ibrahim Haji

Yaakob. Mereka bekerjasama menyokong Jepun. Kemerdekaan bersama Indonesia merupakan satu konsep penyatuan dengan Indonesia yang menjadi dasar dan matlamat nasionalisme Melayu yang telah ditegaskan oleh golongan radikal semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Pembinaan semangat Melayu Raya dan Indonesia Raya itu telah dipupuk oleh Jepun supaya Indonesia dan Tanah Melayu dapat disatukan sebagai saudara dalam konsep Asia Timur Raya yang diketuai oleh Jepun. Walaupun Indonesia telah mengisytiharkan kemerdekaannya pada 15 Julai 1945, namun atas semangat kekitaan yang wujud telah melahirkan corak politik yang berterusan sehingga kepada pembentukan Malaysia pada tahun 1963.¹⁴

b) Tahap 2 iaitu dari tahun 1946 hingga 1948.

Pada peringkat kedua ini, nasionalisme Melayu telah bergerak dengan begitu rancak sehingga wujud dua golongan nasionalis Melayu iaitu golongan nasionalis berhaluan kanan yang bersifat sederhana dan konservatif, manakala golongan nasionalis berhaluan kiri pula lebih bersifat radikal. Persaingan bertambah hebat apabila orang bukan Melayu cuba untuk menuntut kuasa dan kedudukan politik di Semenanjung Tanah Melayu. Pada ketika itu, hanya British sebagai pemegang kuasa dan penentu kepada keputusan bagi persaingan serta pertelingkahan kumpulan-kumpulan

tersebut. Pihak British yang memperkenalkan Malayan Union pada Januari 1946 telah memberikan satu kesan besar kepada nasionalisme Melayu kerana ianya merupakan satu bentuk penjajahan di Tanah Melayu. Sehingga akhirnya, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang bersifat radikal diharamkan oleh British dan secara langsung ianya telah memberikan ruang serta peluang kepada golongan konservatif yang dipimpin oleh Parti UMNO untuk terus membuat perancangan dalam menangani masalah politik serta nasionalisme di Tanah Melayu.

c) Tahap 3 iaitu dari tahun 1949 hingga 1950.

Pada peringkat ini, pemimpin Melayu seperti Dato' Onn Jaafar telah berusaha untuk melaksanakan konsep negara bangsa Persekutuan Tanah Melayu dengan menjadikan UMNO sebagai platform untuk mencapai matlamat negara bangsa tersebut. "Melayu" telah dijadikan teras kepada negara bangsa yang bermaksud bahawa orang Melayu semestinya menjadi ketua, pemimpin, pemilik dan tunjang utama kepada sistem politik dan kebangsaan di Tanah Melayu ini. Dalam masa yang sama, Dato' Onn juga telah membuka ruang kepada orang bukan Melayu untuk menganggotai UMNO sebagai ahli bersekutu walaupun terdapat penentangan di kalangan orang-orang Melayu sendiri yang berpegang kuat dengan kemelayuannya. Tujuan Dato' Onn adalah untuk kesepadan dan menunjukkan kekuatan bagi menuntut kemerdekaan dari pihak British dengan cara perlombagaan dan perundangan.

- d) Tahap 4 iaitu dari tahun 1951 hingga 1957.

Pada peringkat ini, Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin UMNO telah cuba menggabungkan kaum-kaum yang ada berdasarkan kepada parti-parti politik perkauman yang bergabung menjadi sebuah parti politik yang besar. Beliau tidak lagi mementingkan soal kerakyatan, sebaliknya beliau menekankan kesamarataan terhadap kaum-kaum yang ada di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, Tunku masih berpegang kepada dasar “Tanah Melayu Untuk Melayu”. Pendekatan politik Tunku Abdul Rahman telah dipersetujui oleh pihak British dan penduduk Tanah Melayu. Gabungan parti politik perkauman terbesar telah diadakan pada pertengahan 1953 dan ianya menjadi sempurna pada Oktober 1954 iaitu di antara orang Melayu dengan parti *United Malayan National Organization* (UMNO), kaum Cina dengan parti *Malayan Chinese Association* (MCA) dan kaum India dengan partinya *Malayan Indian Congress* (MIC) sehingga membentuk Parti PERIKATAN. Pilihan raya Negeri dan Persekutuan telah diadakan pada tahun 1954 dan 1955, Parti PERIKATAN telah memperolehi kemenangan dan ianya telah memberi keselesaan kepada Parti PERIKATAN untuk meneruskan perjuangan politik Tanah Melayu.

Kesimpulannya, gerakan nasionalisme di Tanah Melayu dari tahun 1941 hingga 1957 itu telah menunjukkan bahawa ianya adalah sebagai satu gerakan untuk mempertahankan kuasa politik orang Melayu dari dikaut dan

dijawat oleh orang bukan Melayu. Selain dari itu, ianya juga adalah sebagai satu cara untuk orang Melayu mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu dari pihak British pada tahun 1957 atas dasar kerjasama kaum dan juga kesamarataan dalam politik.

Gerakan nasionalisme di Tanah Melayu khususnya pada awal abad ke 20 dan ianya melibatkan tiga golongan utama iaitu :¹⁵

- i) Golongan reformis Pemulihan Islam.
- ii) Golongan nasionalis sederhana.
- iii) Golongan nasionalis radikal.

Ketiga-tiga golongan ini mempunyai tujuan dan matlamat yang sama iaitu untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Namun, mereka menggunakan strategi dan cara perjuangan yang berbeza. Kewujudan nasionalisme atau semangat kebangsaan ini tidak hanya berlaku di Tanah Melayu bahkan juga di kebanyakan negara yang pernah dijajah terutamanya negara-negara di Asia dan Asia Barat. Ianya adalah reaksi terhadap kolonialisme dan imperialism yang dibawa oleh penjajah. Semangat kebangsaan atau nasionalisme ini wujud kerana perasaan cinta kepada negara atau tanah air yang mahukan kebebasan dari kuasa penjajah dalam membentuk suatu identiti kebangsaan yang bersifat politik dan kebudayaan tanah air. Terdapat beberapa faktor yang telah mempengaruhi kewujudan dan perkembangan nasionalisme di Malaysia antaranya ialah:¹⁶

i) Peperangan antara Rusia dan Jepun.

Peperangan Rusia dan Jepun pada tahun 1905 telah menarik perhatian dunia khususnya masyarakat di Tanah Melayu. Inilah kali pertama sebuah negara Asia telah dapat menewaskan sebuah kuasa besar Eropah. Kekalahan Rusia ke atas Jepun dalam peperangan tersebut telah memberi suatu kesan yang sangat penting dan besar ertiannya kepada negara-negara Asia yang mana ianya telah menimbulkan semangat kebangsaan di kalangan penduduk Asia termasuklah di Tanah Melayu ini. Kemenangan Jepun itu telah mendorong para nasionalis untuk berjuang membebaskan negara dari kongkongan penjajah barat.

ii) Pengaruh Gerakan Nasionalisme Luar Negeri.

Kewujudan semangat nasionalisme di Tanah Melayu juga disebabkan pengaruh dari gerakan-gerakan nasionalisme di luar negara seperti di Turki, Mesir, Indonesia, China dan juga di India. Di Turki, gerakan yang dikenali sebagai “Faham Jamiah Islam” telah cuba untuk mengembalikan kegembilangan Islam seperti di zaman kegembilangan Islam di bawah pimpinan Rasulullah SAW. Sultan Turki, Sultan Abdul Hamid telah dilantik sebagai ketua dengan gelaran Khalifah. Gerakan “Faham Jamiah Islam” ini mempunyai hubungan dengan Gerakan Pan Islam yang sedang meluaskan pengaruhnya ke seluruh dunia ketika itu. Di samping itu, terdapat juga golongan “Turki Muda” yang dipimpin oleh Mustapha Kamal

Attaturk yang telah cuba untuk memodenkan negara Turki dengan berkiblatkan Barat dalam semua perkara. Corak gerakan nasionalis di Tanah Melayu pada peringkat awalnya lebih mirip seperti mana yang diamalkan oleh gerakan-gerakan di Turki.¹⁷

Begitu juga di Mesir, gerakan nasionalisme di Mesir telah mempengaruhi gerakan kebangsaan di Tanah Melayu. Pada akhir kurun ke 19, pengaruh British telah mula merebak ke bumi Mesir dan pada tahun 1882, British telah berjaya menakluki Mesir. Penduduk Mesir merasa tidak senang dengan kehadiran British ini kerana sebahagian besar mereka beragama Islam. Kebimbangan mereka semakin memuncak terhadap British yang telah menindas dan mengancam Islam di Mesir. Para pemimpin Mesir bangun menentang pengaruh British, di antaranya ialah Syeikh Muhammad Abduh yang berkelulusan Universiti Al-Azhar yang mana beliau ini banyak dipengaruhi oleh gurunya Sayyid Jamaluddin al-Afghani. Syeikh Muhammad Abduh adalah seorang refomis yang telah menekankan bahawa Syariat Islam sahajalah yang dapat menyelesaikan segala masalah yang timbul.¹⁸

Kebanyakan pemimpin di Tanah Melayu ketika itu telah terpengaruh dengan pemikiran Syeikh Muhammad Abduh ini dan ianya telah diterbitkan dalam sebuah majalah iaitu “Al-Manar” yang sangat popular di Tanah Melayu. Pada ketika itu, pemikiran-pemikiran Syeikh Muhammad Abduh ini tersebar ke Tanah Melayu ini kerana ramai di kalangan pelajar Melayu

telah menuntut di Timur Tengah iaitu di Mesir, antaranya ialah Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin al-Azhari dan juga Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi. Mereka telah kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1904.

Di Indonesia, gerakan nasionalisme telah pun wujud lebih awal dari Tanah Melayu Ianya telah mempengaruhi gerakan nasionalisme di Tanah Melayu. Ini disebabkan beberapa faktor antaranya ialah :¹⁹

- a) Indonesia terlalu dekat dengan Tanah Melayu.
- b) Terdapat beberapa persamaan antara kedua-dua negara, yang mana masing-masing mahukan kebebasan dari kongkongan penjajah atau belenggu kolonialisme. Indonesia dijajah oleh Belanda manakala Tanah Melayu dijajah oleh British. Selain itu, kedua-dua negara mempunyai persamaan dari sudut bahasa dan agama.

Begitu juga gerakan nasionalisme di India yang dipimpin oleh Mahatma Ghandi telah mempengaruhi gerakan nasionalisme di Tanah Melayu. Parti Kongres yang ditubuhkan pada 1885 di bawah pimpinannya telah berjaya menjadi sebuah parti politik yang kuat dan berpengaruh. Akhirnya perjuangan “cara lembut tanpa kekerasan” ini telah berjaya mendapatkan kemerdekaan India pada tahun 1947 dan ianya telah mendorong serta menyemarakkan lagi gerakan nasionalisme di Tanah Melayu untuk mendapatkan kemerdekaan dari penjajahan British.

iii) Kemunculan Gerakan Reformis Islam di Tanah Melayu

Kewujudan gerakan reformis atau pemulihian Islam di Tanah Melayu ini adalah untuk mendekatkan dan menyedarkan orang Islam terhadap pegangan agamanya. Ianya telah dipimpin oleh pelajar-pelajar Melayu yang telah kembali dari Timur Tengah seperti Syeikh Mohd Tahir Jalaluddin al-Azhari , Syed Syeikh Al-Hadi dan juga Syeikh Mohd Salim al-Kalali yang telah menerbitkan majalah “Al-Imam” pada tahun 1906. Tulisan-tulisan mereka telah merangsang dan mendesak masyarakat Melayu supaya mengubah corak serta keadaan hidup mereka dengan menjadikan ajaran al-Quran sebagai jalan penyelesaian segala permasalahan yang timbul. Penulisan-penulisan di dalam majalah “Al-Imam” secara langsung telah menguatkan semangat masyarakat Melayu untuk menentang penjajahan British.

Namun demikian, penentangan terhadap British ini tidak diorganisasikan dalam satu-satu pertubuhan. Hanya terdapat dua golongan ketika itu iaitu Kaum Muda yang membawa pembaharuan Islam yang telah diasaskan oleh mereka yang mendapat pendidikan di Timur Tengah dan juga Kaum Tua. Sebuah kesatuan telah ditubuhkan pada Mei 1926, bagi menyuarakan kehendak masyarakat Melayu kepada British iaitu Kesatuan Melayu Singapura (KMS) yang dipimpin oleh Mohammad Eunos bin Abdullah dan Tengku Abdul Kadir Eunos. Mohammad Eunos pernah bekerja sebagai pengarang di “Utusan Melayu” dan “Lembaga Melayu”.

Ramai di kalangan ahli Kesatuan Melayu Singapura (KMS) ini berpendidikan Inggeris dan mereka mahukan KMS sebagai sebuah kesatuan yang bersifat sederhana melalui kerjasama dengan pihak British. KMS amat menekankan soal pendidikan kepada orang-orang Melayu. Dengan itu, biasiswa telah ditawarkan kepada pelajar-pelajar Melayu untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang tinggi. KMS semakin berkembang dengan pembukaan cawangan-cawangan baru Persatuan Melayu di Pulau Pinang, Melaka dan Perak pada 1937, di Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang pada 1938 manakala di Kelantan dan Sarawak pula pada 1939. Keahliannya hanya dari kalangan orang Melayu “jati” sahaja. Terdapat juga KMS negeri yang memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah dan juga Eropah.²⁰

Terdapat golongan yang tidak berpuas hati dengan cara Kesatuan Melayu Singapura (KMS) yang bersifat sederhana ini. Mereka mahukan lebih “keras” dalam menentang pihak British dan juga tidak bersetuju dengan Kaum Muda yang hanya menumpukan soal-soal keagamaan semata-mata. Mereka bersikap anti-British dan golongan ini dinamakan golongan radikal. Pertubuhan radikal pertama telah ditubuhkan di Tanah Melayu pada 1930 iaitu “Belia Malaya” yang dipimpin oleh Ibrahim bin Haji Yaacob yang merupakan seorang pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) dan dianggotai seramai 35 orang pelajar MPSI. Mereka mendapat pendidikan Melayu. “Belia Malaya” sangat tertarik dengan gerakan nasionalisme Indonesia yang bersifat militan dan agresif yang mana mereka mahukan

supaya Tanah Melayu disatukan dengan Indonesia dan dikenali dengan nama “Melayu Raya”. Namun “Belia Malaya” ini tidak kekal lama dan pemimpin-pemimpin mereka telah menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM), parti radikal pertama. Ramai di kalangan ahli KMM ini adalah penulis dan wartawan seperti Ibrahim bin Haji Yaacob, Ahmad Boestamam bin Raja Kechil, Dr Burhanuddin Al-Helmy dan Ishak bin Haji Muhammad yang mana mereka telah memainkan peranan penting dalam KMM. KMM telah membuka cawangannya di seluruh Tanah Melayu.²¹

Perang Dunia Kedua dan pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah memberi satu kesan besar kepada politik Tanah Melayu. Kedudukan British telah jatuh di mata rakyat dan ianya juga telah menyanggah anggapan masyarakat Melayu bahawa British sangat kuat dan tidak boleh ditewaskan. Nasionalis Melayu terutamanya para pemimpin KMM telah bekerjasama dengan Jepun kerana dengan cara itu, mereka akan dapat menghalau British dan memperolehi kemerdekaan Tanah Melayu. Para pemimpin radikal KMM seperti Ibrahim Haji Yaacob, Ahmad Boestamam dan Ishak Haji Muhammad yang ditahan oleh British telah dibebaskan oleh Jepun. Namun, hubungan dan kerjasama antara KMM dan Jepun putus kerana Jepun tidak akan membebaskan Tanah Melayu. KMM telah menjadi anti-Jepun dan pada tahun 1942 Jepun telah mengharamkan KMM kerana terdapat pemimpin KMM iaitu Mustapha Hussein yang telah menuntut kemerdekaan dari Jepun sebaik sahaja Jepun menduduki Tanah Melayu.²²

Apabila Jepun menyedari bahawa mereka akan tewas, maka Jepun telah cuba berbaik-baik semula dengan nasionalis Melayu dan bersetuju untuk memerdekakan Tanah Melayu. Jepun berbuat demikian semata-mata hanya untuk mendapatkan sokongan dari orang-orang Melayu. Bekas ahli KMM telah menu buhkan sebuah pertubuhan baru iaitu “Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung” (KRIS) yang diasaskan oleh Ibrahim Haji Yaacob dengan restu dari pihak Jepun. Pertemuan antara pemimpin KRIS iaitu Ibrahim Haji Yaakob, Dr Burhanuddin al-Helmy dan Abu Bakar al-Baqir dengan pemimpin Indonesia iaitu Sukarno dan Mohd Hatta serta pihak berkuasa Jepun telah diadakan pada 12hb Ogos 1945 di Taiping, Perak. Akhirnya, Jepun telah menyerah kalah pada 15hb Ogos 1945 dan rancangan “Melayu Raya” atau “Indonesia Raya” itu telah gagal yang mana secara langsung ianya juga telah menggagalkan kemerdekaan Tanah Melayu. KRIS telah dibubarkan dan ianya telah digantikan dengan tertubuhnya Parti Kebangsaan Melayu SeMalaya (PEKEMAS atau PKMM) yang dipimpin oleh Tuan Mukhtaruddin, Ishak Haji Muhammad dan Dr Burhanuddin Al-Helmy. PKMM berhaluan kiri dan ianya telah terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pemuda “Angkatan Pemuda Insaf” (API) dan bahagian wanita “Angkatan Wanita Sedar” (AWAS). Terdapat beberapa pertubuhan lain yang berhaluan kiri telah disatukan dalam satu pertubuhan yang dinamakan sebagai “Pusat Tenaga Rakyat” (PUTERA) yang menentang penubuhan *Malayan Union*.²³

Sebagai kesimpulannya, gerakan nasionalisme di Tanah Melayu telah melalui tiga peringkat iaitu :

- i) Peringkat awal (1906 – 1926) yang mana ia hanya memberikan tumpuan soal keagamaan.
- ii) Peringkat pertengahan / kedua (1926-1937) di mana ia menekankan perkembangan sosioekonomi masyarakat Melayu.
- iii) Peringkat akhir / ketiga (bermula 1934) yang mana corak gerakan nasionalisme telah menjadi sebuah gerakan politik

4.3 : PANDANGAN PEMIKIR MELAYU TERHADAP NASIONALISME MELAYU.

- 1) Dr. Burhanuddin Al-Helmy telah memberikan pandangannya melalui tulisan-tulisan atau buku-buku beliau seperti di dalam bukunya “Perjuangan Kita” (1946), yang mana beliau dengan jelas menerangkan erti kebangsaan Melayu dengan menekankan unsur kedaulatan, keagungan negeri, kebudayaan Melayu yang sejati dan politik Melayu. Beliau telah menjadikan kata-kata Hang Tuah “Takkan Melayu Hilang Di Dunia” sebagai pegangannya. Manakala di dalam bukunya yang lain “Falsafah Kebangsaan Melayu” (1950), beliau telah menjelaskan tentang ideologi kebangsaan Melayunya dengan menggunakan fakta-fakta sejarah, ilmu alam dan kebudayaan serantau Nusantara sebagai kayu ukur kebangsaan Melayunya.²⁴ Ini dapat kita lihat melalui kata-kata beliau :

“.... Kebangsaan Melayu bukan dibina semata-mata kerana seseorang itu bangsa Melayu atau bapanya Melayu, datuknya Melayu, tetapi Kebangsaan Melayu itu adalah diasaskan dan dibina di atas kebangsaan Melayu iaitu kebangsaan yang mengikut tabiat semula jadi kedudukan bumi, keturunan pusaka, kebudayaan baka dan penduduk hak mutlak bumi pertiwi ini. Yang bersatu hasrat pada azamnya, bersatu padu dalam ideologi kebangsaannya...”²⁵

Di dalam ideologi politiknya, beliau juga ada menjelaskan tentang falsafah politik Islam yang dijadikan sebagai landasan kepada kebangsaan Melayu. Menurut beliau, Islam menuntut umatnya mencintai negara dan bangsanya sebagai satu tanggungjawab keimanan. Ia telah dijelaskan di dalam kedua-dua bukunya iaitu “Perjuangan Kita” dan juga “Falsafah Kebangsaan Melayu”. Beliau mengatakan :

“....Kasihkan watan itu sebahagian daripada Iman. Iman adalah nyawa agama. Kita pandang di segi falsafah dan kita susunkan dengan pemandangan yang dekat begini i) Iman (nyawa), ii) tubuh diri, iii) bangsa dan iv) watan (tanah air). Empat serangkai dalam binaan watan. Iman berdiri di atas tubuh. Tubuh berdiri di atas watan. Salah satu dari yang empat ini tidak boleh bercerai tinggal dalam susunan binaannya tetapi watan menjadi pokok. Ada watan ialah dengan perkasa seperti pekerja, pahlawan, perajurit dan lain-lain. Maka dalam jiwa pekerja pahlawan perajurit itulah terletaknya iman....”²⁶

Seperti mana dalam bukunya, *“Asas Falsafah Kebangsaan Melayu”*, beliau membincangkan persoalan di atas secara panjang lebar dengan disokong oleh ayat al-Quran dan Hadith sebagai dalil bahawa Islam tidak melarang nasionalisme atau mencintai bangsa. Dalam masa yang sama,

beliau juga telah menolak semangat perkauman atau sikap kebangsaan yang sempit yang hanya menumpukan soal kebangsaannya sendiri semata-mata.

2) Prof Diraja Ungku Aziz memberikan pandangannya mengenai nasionalisme di Malaysia yang mana sewaktu itu beliau menjawat jawatan sebagai Naib Canselor Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau berpendapat bahawa nasionalisme hanya terdapat di kalangan pemimpin lapisan pertama iaitu Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri serta beberapa orang menteri dan timbalan menteri yang rapat dengan mereka. Antara parti-parti politik yang ada, hanya UMNO sahaja yang benar-benar mempunyai semangat kebangsaan atau semangat nasionalisme yang kuat, manakala parti lain hanyalah membela kaum dan masyarakat tertentu sahaja. Beliau juga menyorot kembali bagaimana penerimaan masyarakat Malaysia terhadap nasionalisme yang hanya wujud dengan kuatnya sejak dari tahun 1945 hingga 1969. Pada tahun 1940 hingga 1950an, ianya adalah semangat untuk menuntut kemerdekaan, manakala sekitar tahun 1960an, masa untuk mengisi kemerdekaan iaitu dengan mendaulatkan bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu dan menggantikan pegawai-pegawai penjajah dalam pentadbiran negara. Apabila berlaku peristiwa 13 Mei 1969, ianya telah menyedarkan para pejuang kebangsaan dan sekali gus menyedarkan masyarakat Melayu yang ketinggalan dalam bidang ekonomi. Sejak dari itu, semangat kebangsaan telah berubah dari cintakan negara kepada soal peningkatan ekonomi Melayu sehingga terbentuknya Dasar Ekonomi Baru (DEB).²⁷

3) Tan Sri Ainuddin Wahid, sewaktu menjadi Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, beliau telah mengulas tentang perpaduan masyarakat yang dihubungkaitkan dengan semangat nasionalisme antara masyarakat majmuk yang wujud di Malaysia. Setiap rakyat perlu bersatu dalam mempertahankan negara dari sebarang ancaman dengan mengukuhkan semangat kebangsaan dalam setiap diri rakyat. Beliau menegaskan supaya kita mencontohi Jepun yang menyemaikan semangat cintakan bangsa dan tanah air dalam mereka membangunkan serta memajukan negara mereka. Sekiranya semangat nasionalisme itu tidak diperkuuhkan dari sekarang, maka akan lahirlah masyarakat yang tidak mengenang budi, menentang dasar-dasar kerajaan dan menjatuhkan pemerintahan yang telah memperjuangkan kemerdekaan tanah air.²⁸

4) Tan Sri Prof Awang Had Salleh, adalah bekas Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, Kedah Beliau mengatakan adanya tanggapan terhadap konsep nasionalisme di Malaysia khususnya di kalangan masyarakat Melayu sama seperti konsep perkauman. Beliau mengatakan bahawa konsep nasionalisme di Malaysia menepati landasan Islam kerana perjuangan untuk memuliakan kedudukan Islam di negara ini berlaku persis kerana orang Melayu itu nasionalistik dan mereka tidak boleh sama sekali menggadaikan kedudukan agama Islam. Ini bermakna, nasionalisme Melayu bukanlah nasionalisme yang sempit sebaliknya adalah sesuatu yang rasional, tidak menzalimi orang lain dan ianya selari dengan tuntutan Islam.²⁹

5) Tun Sardon Jubir, bekas Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, dan beliau telah melibatkan diri dalam bidang politik sejak tahun 1945 sebagai anggota PKMM. Beliau berpendapat bahawa nasionalisme hendaklah dilaksanakan secara jujur dan ikhlas demi kepentingan rakyat dan negara, bukannya untuk kepentingan peribadi sehingga berlumba-lumba dan berebut memegang jawatan di dalam parti. Pejuang kemerdekaan pada zamannya tidak berebut-rebut untuk memegang jawatan, sebaliknya cuba mengelak dari memegang jawatan kerana pemimpin akan menjadi sasaran pihak British. Menurutnya, ukuran keikhlasan dan kejujuran terhadap nasionalisme itu dapat dilihat sejauh manakah kepimpinan melalui teladan yang ditunjukkan oleh pemimpin. Ini adalah kerana ramai di kalangan pemimpin yang lebih sibuk berpolitik dari membela nasib rakyat dan negara.³⁰

4.4 : CIRI-CIRI NASIONALISME MELAYU.

Terdapat beberapa ciri dan sifat nasionalisme Melayu, antaranya seperti yang dinyatakan oleh Dr Burhanuddin al-Helmy adalah seperti berikut:³¹

Ciri pertama ialah akhlak yang baik seperti sifat lemah lembut, sopan santun dan sentiasa mengalah atau lebih mengutamakan orang lain sebagai tanda penghormatan tetapi bukanlah bermakna takut atau pengecut kerana orang Melayu juga mempunyai sifat keberaniannya yang tersendiri sehingga

kadangkalanya melampaui batas sehingga menyebabkan kejadian mengamuk atau hilang sabar.

Ciri kedua ialah sikap toleransi atau bertolak ansur terhadap sesiapa juga dengan syarat ianya tidak memeras dan menindas masyarakat di negaranya.

Ciri ketiga ialah penyesuaian nasionalisme Melayu dengan Islam, di mana Islam dijadikan sebagai asas kepada nasionalisme Melayu yang telah membatasi segala yang bertentangan dengan Islam mesti dihindarkan. Begitu juga dalam soal perpaduan bangsa atau kaum, Islam tidak membezakan antara kaum kerana setiap manusia mempunyai hak-haknya yang tersendiri.³²

Untuk membicarakan sifat nasionalisme dan kesan nasionalisme moden ini, kita akan melihat dari perspektif Asia Tenggara sebagai rujukan utama kebangkitan nasionalisme yang pernah dijajah oleh kuasa-kuasa besar. Terdapat beberapa sifat dan ciri-ciri nasionalisme yang berlaku di Asia Tenggara, antaranya ialah :

- i) Pada peringkat awal nasionalisme adalah bersifat penentangan terhadap penjajah yang datang sama ada oleh sami Buddha di Burma, Pembesar di Tanah Melayu, Vietnam, Jawa dan Sumatera dan ketua Daerah di Filipina. Penjajahan ini adalah berpuncak dari keadaan politik yang kurang stabil di Asia Tenggara .

- ii) Gerakan nasionalisme di Asia Tenggara lebih teratur kerana golongan yang berpendidikan tinggi telah menggunakan saluran yang lebih baik dengan menyebarkan pemikiran mereka melalui akhbar ataupun dengan menggunakan majalah-majalah seperti Majalah al-Imam, Utusan Melayu, La Solidaridad dan sebagainya. Golongan ini adalah mereka yang mendapat pendidikan Barat dan juga pendidikan agama. Mereka telah memahami budaya, ilmu pengetahuan dan nilai hidup Barat dan telah melihat perkembangan dunia luar. Mereka telah menghayati idea serta fahaman baru seperti Liberalisme, Sosialisme, komunisme dan Demokrasi.
- iii) Semangat meningkatkan kehidupan sama ada sosial maupun ekonomi menjadi agenda utama pada dua dekad abad ke 20. Politik juga telah diberi perhatian yang lebih apabila membuat tuntutan politik dengan menerangkan persamaan hak untuk mendapatkan pendidikan. Ia bukan saja melibatkan kaum lelaki tetapi juga kaum wanita seperti mana halnya di Indonesia yang diperjuangkan oleh Raden Adjeng Kartini .
- iv) Penentangan adalah dinamik, keras dan berani menentang penjajah Kebanyakan golongan ini lebih ramai daripada golongan guru, wartawan penulis atau pegawai kerajaan yang kurang mendapat perhatian kerajaan tetapi telah mendapat pendedahan daripada Jepun yang pernah menakluk Asia Tenggara.

v) Kegiatan nasionalisme juga wujud dari golongan pendatang seperti China dan India yang memperjuangkan hak masyarakat mereka. Kegiatan mereka adalah amat berbeza daripada kegiatan nasionalisme tempatan. Kedatangan mereka adalah untuk bermiaga dan bukanlah untuk terus menetap di Asia Tenggara. Kelahiran warga tempatan daripada masyarakat China ini mengubah pendirian ini menjadikan kegiatan mereka tertumpu pada kemahuan mendapatkan kewarganegaraan di negara-negara Asia Tenggara.

vi) Ada juga nasionalisme yang bersifat mementingkan agama seperti di Burma yang diperjuangkan oleh golongan Sami Buddha.

4.5 : PENERIMAAN DAN PENGAMALAN NASIONALISME MELAYU.

Secara umumnya, penerimaan serta pengamalan nasionalisme Melayu ini telah terbahagi kepada dua iaitu nasionalisme politik dan juga nasionalisme bangsa. Nasionalisme politik ialah nasionalisme yang mewakili nasionalisme Tanah Melayu kerana gerakan ini telah menggunakan unsur-unsur, ciri-ciri serta isu-isu tempatan untuk memperjuangkan Tanah Melayu dari cengkaman penjajah. Ia terdiri dari tiga golongan atau kumpulan utama yang telah memainkan peranan dalam kegiatan nasionalisme politik Tanah Melayu iaitu golongan radikal Melayu atau golongan kiri, kumpulan konservatif atau golongan kanan dan

kumpulan ketiga adalah orang bukan Melayu.³⁴ Manakala nasionalisme bangsa pula ialah semangat nasionalisme mengikut kaum yang tinggal di Tanah Melayu antaranya Melayu, Cina dan India.³⁵

Usaha giat dijalankan oleh orang Melayu khususnya golongan intelektual Melayu untuk membangunkan satu bangsa Melayu baru yang melibatkan semua orang Melayu di Tanah Melayu. Sebaliknya orang-orang Cina dan India tidak mempedulikan hal ehwal Tanah Melayu dan lebih menumpukan kepada hal-hal berkaitan dengan tanah air mereka. Ketiga-tiga aliran nasionalisme bangsa di Tanah Melayu ini berselisih pendapat dan tidak bersatu dalam membentuk sebuah bangsa Malaysia. Ini telah dijelaskan dalam kajian yang dibuat oleh J.M Gullick.³⁶

“Kewujudan tiga kaum di Tanah Melayu yang mempunyai kepentingan-kepentingan yang bertentangan dan pandangan-pandangan yang berbeza telah menghindarkan kemunculan sebuah pergerakan kebangsaan bersatu pada masa itu sehingga tahun 1942”

Nasionalisme politik ini telah wujud dalam diri orang Melayu akibat dari penjajahan yang dilakukan oleh Portugis, Belanda dan British di Tanah Melayu ini, di mana ketika itu orang Melayu telah ditindas, dizalimi dan dijahah dalam semua aspek kehidupannya yang akhirnya orang Melayu telah sedar dan mereka telah mula berpolitik. Ianya dapat dilihat apabila orang Melayu telah mengkritik dan mengeluarkan pendapat di dalam akhbar dan majalah menentang segala perbuatan penjajah yang menzalimi dan menindas orang Melayu di mana nasib mereka terbiar serta kedudukan raja-raja Melayu di perkecilkhan.³⁷

Terdapat juga penentangan dan perselisihan faham terhadap nasionalisme Melayu ini antaranya adalah berhubung dengan pertentangan dengan musuh-musuh Islam yang telah cuba meruntuhkan Islam dan juga pertentangan dari kalangan orang Islam sendiri yang masih kabur tentang Islam itu sendiri dengan mengatakan bahawa Islam adalah hanya sebagai ibadah semata-mata dan tiada kaitannya dengan politik.

Selain itu, bagi orang Melayu di negara ini, semangat nasionalisme itu juga berasaskan kepada faktor lain yang boleh dikatakan saling berkait antara satu sama lain. Kesedaran nasionalisme di kalangan orang-orang Melayu mempunyai kaitan dan hubungan rapat dengan kepentingan agama Islam itu sendiri. Ini adalah kerana kesedaran atau kebangkitan semangat kebangsaan orang-orang Melayu itu tidak boleh dipisahkan daripada agama Islam yang merupakan sebagai penggerak utama. Oleh kerana itu, kebangkitan nasionalisme terawal adalah di kalangan golongan agama kerana golongan agama sangat berpengaruh kepada orang ramai, terutama pada peringkat kampung. Ini juga telah menimbulkan persoalan di kalangan mereka yang mendukung Islam secara lebih kuat seperti guru-guru agama yang baru pulang dari Asia Barat dan pemimpin-pemimpin agama tempatan. Atas kepentingan pergerakan Islam itu, maka ia telah dapat melahirkan rasa kekuatan di kalangan umat Islam itu sendiri, khususnya orang-orang Melayu. Tetapi kedudukan agama Islam di bandar-bandar besar seperti di Singapura dan Pulau Pinang adalah diperkuatkan oleh golongan Arab dan Jawi Peranakan.³⁸

Mereka ini memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kegiatan yang bercorak agama dengan berbagai-bagai cara seperti mendirikan madrasah dan persatuan-persatuan Islam. Golongan inilah yang digelar Golongan al-Imam yang membawa semangat nasionalisme di kalangan orang-orang Melayu dirantau ini khususnya di Malaya akibat dari kegiatan golongan intelek Melayu berpendidikan agama yang mempunyai matlamat; "*mengingatkan mana yang lalai dan menjagakan mana yang tidur dan menunjukkan yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan*".³⁹

Untuk membincangkan tentang Golongan al-Imam, perlulah diperingatkan bahawa golongan al-Imam juga mempunyai beberapa gelaran lain dan gelaran yang paling dikenali ialah "Kaum Muda". Golongan al-Imam adalah terdiri daripada beberapa orang yang mempunyai pendidikan sama ada pendidikan Timur Tengah mahupun berpendidikan Melayu antaranya Syeikh Muhammad Salim al-Kalali, Syeikh Mohd Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh Al Hadi dan Haji Abbas Mohd Taha. Para pengkaji nasionalisme mendapati bahawa mereka ini telah dicap dengan pelbagai label seperti "Kaum Sesat", "Wahabi", "Kaum Muda", dan "Kaum al-Manar" walaupun ramai lagi antara mereka seperti Sayid Abdullah bin Aqil dan Zaa'ba. Golongan ini digelar "al-Imam" atau pemimpin kerana mereka adalah pengasas pertama Majalah al-Imam pada tahun 1906 walaupun hanya mampu bertahan selama dua tahun sahaja iaitu dari 1906 sehingga 1908. Golongan al-Imam kebanyakannya bukan berdarah Melayu tempatan

kecuali Haji Abbas. Mereka adalah keturunan Arab ataupun dipanggil Jawi Peranakan. Namun begitu, mereka telah menyesuaikan diri dengan masyarakat Melayu sehingga telah sebat dengan keadaan dan cara hidup orang Melayu seperti yang dinyatakan oleh Syeikh Mohd Salim al-Kalali:⁴⁰

"Sudah minum kami akan air susunya dan telah tumbuh darinya daging darah kami dan telah terbit daripadanya nikmat perhatian kesenangan kami. Tidakkah jadi terhutang kami kepada negerinya dan anak-anaknya"

Oleh kerana itu, al-Imam berasa kewajipan dalam menyedarkan orang Melayu dan memberi tunjuk ajar serta bimbingan kepada mereka. Ia berasa bertanggungjawab untuk mencegah orang Melayu terutamanya golongan pembesar daripada khayalan dan kelalaian yang telah menyebabkan kemunduran dan kehinaan bangsanya dan juga tanah airnya. Justeru itu, akhbar yang diterbitkan oleh mereka dinamakan "Al-Imam" yang bermakna "Pemimpin". Penerbitan majalah *Al-Imam* adalah merupakan strategi dan penentangan golongan al-Imam atau golongan Ulamak dalam bentuk perang saraf dan gerakan revolusi mental . Untuk memahami tentang pandangan dan pemikiran golongan al-Imam, kita cuba melihat serba sedikit tentang latar belakang kehidupan mereka terutamanya tiga orang pelopor akhbar al-Imam yang membawa konsep Kaum Muda. Syeikh Mohd Tahir Jalaluddin lahir di Kota Tua, Ampek Angkek, Minangkabau di Sumatera Barat pada tahun 1869. Dia dihantar ke Mekah untuk mempelajari ajaran agama Islam secara lebih mendalam selama 20 tahun dalam bidang Falak. Oleh kerana itu, beliau juga di gelar Syeikh Tahir Jalaluddin al-Falaki kerana kemahirannya dalam ilmu Falak. Selama empat

tahun di Mesir, fikirannya mula terbuka untuk memahami konsep Syeikh Muhammad Abduh dan Syed Jamaluddin al-Afghani. Pada tahun 1898, beliau turut serta menulis rencana dalam rencana al-Manar yang diterbitkan oleh Rasyid Ridha yang merupakan salah seorang pengikut Syeikh Muhammad Abduh yang paling cergas. Oleh kerana penulisan ini jugalah, Syeikh Tahir digelar oleh Kaum Tua sebagai "Al-Manar". Ia kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1899. Oleh kerana ilmu yang ada pada dirinya, beliau telah dilantik oleh Sultan Perak menjadi pemeriksa kiblat masjid dan berkuasa dalam hal yang berkaitan dengan ilmu Falak. Beliau juga pernah dilantik sebagai ahli mesyuarat orang besar-besar dan ulamak Perak.⁴¹

Kemunduran masyarakat Islam di Nusantara meyakinkan beliau bahawa jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah itu ialah dengan cara mengemukakan pandangan Islah terhadap agama Islam yang dirasakan menjadi punca segala kekeliruan dan kelemahan. Selain al-Imam, beliau juga terlibat secara langsung dalam penerbitan al-Ikhwan, Semangat Islam, Saudara dan sedikit dalam Bumiputera dan Pengasuh yang telah diterbitkan di Kelantan.

Haji Abbas Mohd Taha pula lahir pada tahun 1885 di Tanjung Pagar, Singapura. Beliau berketurunan Minangkabau dan banyak menghabiskan masa mudanya belajar di Mekah. Beliau telah kembali ke Singapura pada 1905. Sebelum bertugas sebagai pengarang al-Imam, beliau pernah bekerja sebagai guru agama, Imam masjid Tanjung Pagar dan juga pernah menjadi

Kadi Besar di Singapura. Beliau menerbitkan akhbar *Neracha* pada tahun 1910 dan diikuti majalah Tunas Melayu pada tahun 1913. Kedua-dua akhbar ini meneruskan cita-cita yang diperkenalkan oleh al-Imam. Ini meletakkan beliau sebagai seorang ulamak dan tokoh Islam yang berjaya meneruskan Islah Islam yang diasaskan oleh al-Imam. Bermula dari tahun 1940 beliau menjadi guru agama di Selangor dan Musti di Pahang.⁴²

Syed Syeikh Al-Hadi, adalah merupakan seorang tokoh terpenting selepas Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin. Beliau adalah tokoh Islah yang paling vokal menyuarakan kritikan kepada pemimpin agama dan pemimpin masyarakat yang lalai dalam menyempurnakan tugas mereka kepada masyarakat. Lahir di Kampung Hulu, Melaka pada tahun 1862, dari keturunan Arab-Melayu. Mendapat pendidikan di sekolah Melayu negeri-negeri Selat dan belajar agama di Kuala Terengganu dan mendalami ilmunya di Pulau Penyengat di Riau semasa menjadi anak angkat kepada Raja Ali Kelana. Hubungan rapat dengan keluarga diraja membolehkan beliau melawat Mesir dan Mekah. Melalui Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin, beliau memperolehi idea Islah Syeikh Muhammad Abduh. Beliau pernah menjadi peguam syariah, pendidik, saudagar dan penulis rencana-rencana yang bersemangat dan berterus-terang. Perjuangannya dilakukan di dalam majalah *Al-Imam* dan diteruskan dalam majalah *Al-Ikhwan* di Pulau Pinang. Di antara tahun 1925 hingga 1926, beliau telah menerbitkan novel bertajuk *Hikayat Faridah Hanum* bertujuan menyedarkan golongan wanita ketika itu. Manakala dalam akhbar Saudara,

beliau memberi kesempatan kepada umat Islam mengemukakan pendapat mereka di dalam ruangan akhbar. Pembaharuan ini telah menyebabkan berlakunya perselisihan faham dengan golongan Kaum Tua. Beliau telah meninggal dunia di Pulau Pinang pada 20 Februari 1934.⁴³

Golongan al-Imam telah melaksanakan dan mengamalkan semangat nasionalisme Melayu di Tanah Melayu ini dengan mengambil pendekatan dalam berbagai aspek kehidupan masyarakat di antara aspek-aspek yang ditekankan ialah :

i) Aspek Keagamaan:

Golongan al-Imam cuba membawa perubahan terhadap kehidupan manusia dengan mengambil aspek keagamaan sebagai teras perjuangan islahnya ini adalah kerana Islam sebagai keseluruhan yang sebatik dalam cara hidup orang-orang Melayu itu , tidak dapat dipisahkan kepada bahagian dan lapangan tertentu. Oleh itu, golongan al-Imam merasakan kelemahan dalam aspek keagamaan itu merupakan penyakit yang menyebabkan terbantutnya perkembangan kemajuan pendidikan, ekonomi, sosial dan politik orang Melayu. Sheikh Mohd Salim Al-Kalali dalam rencana pertamanya menegaskan bahawa tugas pemimpin-pemimpin rakyat ialah menentukan penyakit itu dan menentukan pula ubat baginya . Mereka cuba membawa pembaharuan dengan memberikan tafsiran tentang keagamaan termasuklah berkaitan dengan ibadah. Ini bererti untuk memperolehi kemajuan dari

semua bidang tersebut, perlu mengukuhkan keutuhan dalam hal-hal keagamaan dalam masyarakat Melayu itu sendiri.⁴⁴

ii) Aspek Sosial : Pembelaan Hak Wanita :

Golongan al-Imam juga mengambil berat kedudukan wanita dalam masyarakat. Mereka menganjurkan kebebasan yang lebih luas bagi kaum wanita mendapatkan pelajaran dan mengambil bahagian dalam urusan-urusan masyarakat . Abu Bakar Hamzah menyatakan;

"As for the Muslims in Malaya, they have numerous problems chief among these is regarding woman' status, their rights and legitimate position in society. Women have to be given the necessary education and training because they are the natural partners of men in their struggle for greatness and glory in their life".

Oleh kerana golongan ini memainkan peranan penting bagi mencapai kecemerlangan dan kejayaan dalam kehidupan kaum lelaki , seharusnya beberapa perubahan perlu dilakukan di antaranya ialah mengadakan kelas perempuan sehingga darjah tiga dengan tujuan memberi pelajaran membaca al-Quran dan pelajaran agama supaya dapat melahirkan ibu- ibu yang berpelajaran.⁴⁵

Dalam menyedarkan masyarakat Melayu, Sayid Sheikh Al-Hadi berkesempatan menegaskan pentingnya pelajaran dan kebebasan yang luas bagi kaum Wanita serta tingginya nilai kesucian dan kesetiaan yang dimiliki

oleh wanita kepada masyarakat umum melalui novelnya iaitu Hikayat Faridah Hanum yang diterbitkan pada 1925. Novel ini telah menjadi kontroversi apabila ia menceritakan tentang kebebasan wanita dalam kehidupan yang sebelum ini wanita Melayu adalah orang yang sangat pemalu. Namun, dengan penulisan Sayid Sheikh Al-Hadi ini menyebabkan penentangan Kaum Tua yang telah mengelarnya sebagai "Kaum Sesat". Ini kerana penulisan Al-Hadi dalam novelnya Faridah Hanum ia seperti membenarkan hidup berkasih-kasihan dan berpasangan yang selama ini amat ditentang oleh Kaum Tua. Penjualan buku ini telah menyebabkan keuntungan yang besar kepada Kaum Muda apabila dengan penjualan yang diulang cetak ini menyebabkan tertubuhnya Jelutong Press yang terus memainkan fungsi sebagai syarikat percetakan Kaum Muda.⁴⁶

Untuk menyedarkan kaum wanita ini, golongan al-Imam telah membuat perbandingan mengenai keadaan dan fungsi wanita Amerika dengan wanita Islam. Walaupun golongan al-Imam membandingkan wanita Amerika dan wanita Islam, tetapi apa yang dimaksudkan ialah bukan mengambil sepenuhnya apa yang ada di Amerika, tetapi yang cuba diterangkan ialah bahawa wanita juga mempunyai peranan dalam memajukan negara dan membebaskan negara dari cengkaman penjajah. Golongan al-Imam juga cuba menunjukkan wanita sebenarnya boleh berdikari dan tidak lagi duduk di ceruk dapur tetapi untuk mencapai kesempurnaan kecemerlangan hidup pendidikan adalah penting. Oleh

kerana itu, penekanan terhadap pendidikan telah ditanamkan kepada kaum wanita.

iii) Aspek Pendidikan :

Menurut Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin Al-Falaki, satu cara untuk mengatasi kelemahan orang Melayu ialah dengan cara meninggikan lagi ilmu pengetahuan mereka. Al-Imam dalam keluarannya Julai 1906 ada menyatakan bahawa pendidikan adalah;⁴⁷

".....it is connecting factor which brings most of the people to their destination of greatness and excellece. Knowledge is in fact the treasury of truth and the reservior of wisdom; it is the proper channel toward perfection, the light which, when it occupied the two human vessels-the heart and head-will illuminate all over the country".

Oleh itu, pendidikan mempunyai hubungan yang rapat dalam menjana perubahan dari aspek keagamaan, sosial, politik dan ekonomi orang Melayu. Golongan al-Imam menekankan keutamaan ilmu sejarah yang menurutnya merupakan kunci untuk kesedaran dan kemajuan satu-satu bangsa. Sejarah telah menunjukkan bahawa pelajaran adalah satu-satunya alat yang mustahak bagi bangsa menjana pembangunan dan mencapai kejayaan.

Pembaharuan dan pembangunan yang disediakan oleh British belum mencukupi untuk orang Melayu khususnya dalam pendidikan. Ini dapat dilihat di Pulau Pinang, Singapura dan Sumatera, tidak ada anak Melayu yang benar-benar pandai dalam pelajaran. Sekiranya mampu bekerja dengan

kerajaan, dari segi pendapatan pula, tiada yang setaraf dengan pendapatan anak-anak bangsa Eropah. Golongan al-Imam menyatakan keadaan ini timbul adalah disebabkan kelalaian raja-raja dan orang-orang besar Melayu sengaja tidak mengambil berat.

Walaupun sebenarnya kebanyakan rakyat berkemampuan menyediakan wang untuk memberikan pelajaran kepada anak mereka. Golongan al-Imam melihat keadaan ini disebabkan orang kaya dan bangsawan cetek pengetahuan dan pelajaran kerana mereka lalai dalam kehidupan yang diselubungi kesenangan dan kemewahan. Menurut al-Imam;⁴⁸

"...yang boleh memaksa mereka itu tiada lain melainkan raja atau kerajaan atau ketuanya yang ditakutkannya".

Oleh itu, golongan al-Imam merasakan rakyat biasa perlu membuat perubahan. Perubahan yang dimaksudkan ialah perubahan sikap dengan mementingkan ilmu pengetahuan. Oleh kerana itu, seorang guru iaitu Haji Mohd Tahir telah memberikan cadangan tentang peringkat persekolahan bagi anak-anak Melayu. Menurut beliau, sepatutnya terdapat empat peringkat persekolahan atau pelajaran yang wajar diberikan kepada orang Melayu. Pendidikan yang dimaksudkan bukan sahaja tertumpu pada hal-hal agama, tetapi juga pendidikan yang diberikan oleh orang-orang Barat. Ini bertujuan untuk menutup pandangan golongan tradisional bahawa selama ini Islam yang dibawa oleh golongan al-Imam itu dianggap oleh sistem

pendidikan tradisional dengan hal-hal sekular seperti pendidikan moden yang dibawa dari Barat. Namun, golongan al-Imam terus menggesa orang Melayu menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Haji Mohd Tahir dan menyeru mereka menyuarakannya kepada pihak Raja-raja Melayu dan Pesuruhjaya Tinggi British agar mengadakan wang peruntukan khas untuk sekolah-sekolah tersebut.

iv) Aspek Ekonomi :

Apabila penjajah menceroboh Tanah Melayu ini dan melaksanakan dasar perluasan pengaruh dan wilayah secara "pecah dan perintah". Ini secara tidak langsung mewujudkan sistem ekonomi kapitalis yang amat jauh berbeza daripada amalan sistem ekonomi tradisional. Dasar "pecah dan perintah" serta sistem ekonomi kapitalis ini sekali gus bertanggungjawab meningkatkan kadar kemiskinan penduduk luar bandar. Masalah kemiskinan dapat dikatakan amat ketara di kalangan orang-orang Melayu dan kesedaran tentang ini memang telah dirasai oleh golongan elit Melayu pada zaman kolonial itu. Atas kesedaran bahawa rakyat peribumi telah tertindas di bumi sendiri, maka golongan al-Imam menekankan bahawa rakyat tempatan perlu bersaing hebat dengan etnik lain sekiranya mereka mahu terus hidup di bumi ini dan bukannya menjadi pendatang. Ini dinyatakan dalam petikan;⁴⁹

"Walaupun sering dikatakan orang Melayu penduduk peribumi negara ini disebut "bumiputera" serta menguasai sistem politik dan pemerintahan negara ini, tetapi dalam bidang ekonomi atau perjuangan merebut nilai kebendaan, mereka tewas kepada golongan imigran".

Kesan persaingan orang Melayu dengan berbagai kumpulan etnik yang datang ke negara ini telah memberi kesedaran kepada orang Melayu tentang kedudukan diri mereka dalam berbagai bidang. Golongan al-Imam cuba menerangkan tentang kelemahan dan kemunduran orang Melayu dalam berbagai lapangan apabila bersaing dengan berbagai etnik lain atau dikatakan etnik yang mendatang yang didapati lebih maju dan lebih berjaya dalam berbagai bidang. Golongan al-Imam juga menerangkan bahawa penjajah akan terus membiarkan orang Melayu terus dalam sektor pertanian yang tidak mempunyai daya pengeluaran dan pulangan yang tidak stabil. Oleh kerana itulah kehidupan orang Melayu sudah tentu seperti telur di hujung tanduk, melukut di tepi gantang atau seperti hidup di dalam “Neraka Dunia”.⁵⁰

Golongan al-Imam menyelar golongan tradisional atau Kaum Tua tentang ekonomi rakyat tempatan. Ia menyatakan bahawa segala keuntungan telah dibawa ke negara barat kerana kelemahan pentadbiran para pentadbir Melayu dan golongan yang begitu mementingkan agama tanpa mengambil kira tentang ekonomi. Oleh kerana itu, Syed Syeikh Al-Hadi telah mengarang buku Faridah Hanum untuk memusnahkan pemikiran kolot Kaum Tua. Malahan dalam keadaan tertentu kekuatan kesedaran semangat kebangsaan Melayu itu sendiri dengan jelas sebagaimana telah diterangkan bukan sahaja menentang kolonial, tetapi juga bersaing dengan etnik-etnik yang datang ke negara ini. Kedudukan itu bertambah rumit apabila etnik

yang datang itu didapati mempunyai kedudukan dan peluang ekonomi yang lebih baik .

v) Aspek Penulisan :

Bidang penulisan di Tanah Melayu berkembang selari dengan desakan dari golongan tertentu bagi membaiki dan menjaga kedudukan nasional selalu disuarakan, terutama melalui penerbitan-penerbitan berkala tempatan. Jelasnya semangat kebangsaan ini telah tersebar dalam penerbitan-penerbitan berkala tempatan. Ini menunjukkan akhbar-akhbar tempatan menjadi lidah rasmi dalam menyebarkan pergerakan itu. Pada umumnya, peranan "kebudayaan cetak" ialah sebagai penyalur pemikiran dan cita-cita kepada masyarakat.

Singapura adalah tapak permulaan penulisan golongan al-Imam. Surat khabar di Singapura pada dua puluh tahun pertama terbahagi kepada kumpulan-kumpulan yang berlainan. Penerbitan golongan pembaharuan telah didahului oleh majalah "*Al-Imam*" dari tahun 1906 hingga 1915, manakala "*Neracha*" pula telah diterbitkan pada 1911 hingga 1915. "*Neracha*" diterbitkan pada tiap-tiap minggu dan ia mengandungi banyak berita-berita biasa tetapi dasarnya adalah sama dengan "*Al-Imam*" kerana pengarangnya iaitu Haji Abbas Mohd Taha adalah merupakan pengarang terakhir "*Al-Imam*". Pada 1913, "*Neracha*" diterbitkan dalam bentuk majalah bergambar bulanan yang bersifat agak sederhana kritikannya.

Kekurangan sumber kewangan menyebabkan kedua-kedua majalah iaitu “*Al-Imam*” dan “*Neracha*” telah diberhentikan penerbitannya dalam pertengahan tahun 1915. Manakala pada 1926, wujud pula majalah *Al-Ikhwan* yang diterbitkan oleh Sayid Sheikh Al-Hadi di Pulau Pinang. Pada masa yang sama, muncul juga novel dan cerpen yang mempersoalkan perkara yang lazim ketika itu, di antaranya ialah novel saduran terkenal oleh Syed Syeikh al-Hadi iaitu *Hikayat Faridah Hanum*. Perkembangan bidang ini membolehkan idea-idea pembaharuan golongan al-Imam tersebar luas di Tanah Melayu dan keberkesanannya tidak dapat dinafikan hingga hari ini.⁵¹

4.6 : KESIMPULAN BAB.

Sebagai kesimpulannya, terdapat beberapa kesan dari nasionalisme Barat terhadap nasionalisme Melayu yang telah diamalkan di Tanah Melayu, di antaranya :

- i) Struktur dan teknik politik Barat telah memberi kesan dengan menyatukan politik, pentadbiran dan geografi khususnya di negara-negara yang dijajah oleh Barat. Beberapa kaum dan pelbagai kumpulan telah dipecahkan dan diasingkan dari segi budaya, bahasa, bangsa, puak, agama, kegiatan ekonomi dan politik. Pemecahan bangsa dan ekonomi masyarakat tempatan adalah satu kesan yang tidak dapat dielakkan dalam masyarakat majmuk seperti di Tanah Melayu.

ii) Kolonialisme telah memperkenalkan ekonomi dan pembahagian masyarakat yang bersifat majmuk sehingga iaanya mewujudkan golongan elit berpendidikan Barat yang tidak puas dengan keadaan bangsa mereka. Barat tidak berminat untuk melepaskan kedudukannya sebagai penjajah. Oleh itu, ia telah merancang oder baru sebagai agenda kolonialismenya. Nasionalisme tempatan ada yang menyedari hakikat ini, namun ada yang tidak menyedari sehinggalah ia disedarkan dengan pelbagai agenda yang ditonjolkan oleh penjajah, antaranya ialah '*Malayan Union*' di Tanah Melayu yang mendapat tentangan hebat dari masyarakat tempatan. Namun, keadaan masyarakat majmuk di Tanah Melayu ketika itu telah menyebabkan kaum Cina dan India terlibat sama untuk memperjuangkan kepentingan bersama sehinggalah wujudnya perikatan antara UMNO, MCA dan MIC. Pemimpin gerakan ini adalah dari kalangan mereka yang berpendidikan Barat.

iii) Perkembangan nasionalisme yang pantas di Asia khususnya pada abad 20, telah menandakan bermulanya politik massa yang disertai oleh rakyat biasa. Kemasukan British secara berperingkat-peringkat sejak hujung tahun 1944 telah berhadapan dengan nasionalisme tempatan yang kini lebih bersifat anti-Jepun dan matlamat perjuangannya adalah untuk mendapatkan kemerdekaan politik dan ekonomi negara.

iv) Pendudukan Jepun di Tanah Melayu antara tahun 1942 hingga 1945 telah memberi kesan dan pemangkin untuk mempercepatkan perjuangan kebangsaan dan menghapuskan peranan kolonialisme. Kejayaan Jepun

mengalahkan China dan Rusia telah memberi ilham betapa perlunya pendidikan dan pengetahuan kepada rakyat. Revolusi Kebudayaan China pada tahun 1911 juga telah memberikan ilham serta kesedaran baru terhadap nasionalisme di Asia Tenggara. Antara tahun 1948 hingga 1955, British telah datang semula tetapi ia telah mempunyai perancangan pembangunan politik dan mewujudkan '*Malayan Union*'.

Secara umumnya dapatlah disimpulkan bahawa nasionalisme Melayu yang bergerak di Tanah Melayu ini bertindak bukan sahaja untuk menentang dan menamatkan penjajahan Barat iaitu penjajahan dari pihak Portugis, Belanda dan British, tetapi ianya juga telah mengubah nilai-nilai serta institusi politik dengan menekankan negara bangsa yang bebas dan berdaulat. Nasionalisme yang wujud di Tanah Melayu ini tidaklah menekankan soal ikatan darah, bangsa, bahasa dan budaya tetapi ianya lebih menekankan soal penentangan terhadap penjajahan Barat ke atas Tanah Melayu.

NOTA HUJUNGAN BAB 4 :

1. *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, (Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991), hal. 858.
2. Wan Hashim Wan Teh, Dr, *Cintakan Tanah air Asas Nasionalisme Malaysia*, Utusan Malaysia, 31hb Ogos 1985 dalam buku Isu-isu Perpaduan Nasional : Cabaran, Pencapaian & Masa Depan. (Kedah : Universiti Utara Malaysia, 1987), hal.177.
3. Ibid, hal. 183.
4. Abu Talib Ahmad, *Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka, 1991), hal. 15.
5. Cheah Boon Kheng, *Adakah Malaysia Mempunyai Gerakan Kebangsaan*, Kertas kerja Seminar Sejarah Malaysia, Persatuan Sejarah Universiti Malaya Kuala Lumpur, 23-25 Sept 1971, hal 19.
6. Lea E. Williams, *Southeast Asia : A History*, (New York : Oxford University Press, 1976), hal. 23.
7. Muhammad Abu Bakar, *Perihal Golongan Yang Terperangkap Oleh Istilah Nasionalisme', Potret Masa: Persangan Ideologi dan Pemulihian Tradisi*, Jilid 1, (Petaling Jaya: Gateway Publishing, 1994), hal. 92.
8. Abdul Latif Abu Bakar, *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan di Malaysia*, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1998), hal. 1.
9. Zainal Abidin Abdul Wahid, Prof. Datuk, Kertas Kerja Hari Sastera, *Bahasa, Sastera Dan Faham Kebangsaan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 1981), hal.6.
10. W.R.Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, (Kuala Lumpur : University of Malaya Press, 1967), hal.237 dan Lihat juga Abdul Rahman Hj Ismail, *Takkan Melayu Hilang di Dunia : Suatu Sorotan Tentang Nasionalisme Melayu dalam Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*, (Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn Bhd, 1985), hal.37.
11. R.Suntaralingam, *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*, (Petaling Jaya : Fajar Bakti, 1985), hal 37.
12. Wan Hashim Wan Teh, Dr, op.cit., hal.183.
13. Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Malaysia*, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1998), hal. 110.

14. Ibid, hal. 112.
15. Tengku Anuar Tengku Dalem, *Asas Kenegaraan Malaysia*, (Kuala Lumpur : Penerbitan Al-Azim Sdn Bhd, 1997), hal. 12.
16. Sheela Abraham, *Nasionalisme Atau Semangat Kebangsaan dalam Sejarah Perkembangan Negara*, (Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn Bhd, 1993), hal.120.
17. Ibid, hal. 121.
18. Ibid, hal. 122.
19. Ibid, hal. 122.
20. Abdul Rahman Latif , *Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka, 1996), hal. 45.
21. Tengku Anuar Tengku Dalem, op.cit., hal.13.
22. Ibid, hal 14.
23. Sheela Abraham, op.cit., hal.132.
24. Burhanuddin al-Helmy, *Falsafah Kebangsaan Melayu*, (Bukit Mertajam, Pustaka Semenanjung, 1954), hal. 85.
25. Burhanuddin Al-Helmy, *Perjuangan Kita* dalam Kamaruddin Jaafar, (Kuala Lumpur, Yayasan Anda, 1980), hal.11.
26. Ibid, hal. 48.
27. "Semangat Nasionalisme Masa Kini: Apa Kata Tiga Naib Canselor". Utusan Malaysia, 31hb Ogos 1985) dalam buku Isu-isu Perpaduan Nasional : Cabaran, Pencapaian & Masa Depan. (Kedah : Universiti Utara Malaysia, 1987), hal.109.
28. Ibid, hal. 110.
29. Ibid, hal. 112.
30. Ibid, hal. 114.
31. Burhanuddin al-Helmy, *Sambutan Kemerdekaan Kali ketiga*, (Kuala Lumpur : Utusan Melayu, 31 Ogos 1960), hal. 3.

32. Burhanuddin al-Helmy, *Falsafah Kebangsaan Melayu*, (Bukit Mertajam : Pustaka Semenanjung, 1954), hal. 90.
33. John Bastin dan Harry J. Benda, *Sejarah Asia Tenggara*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka, 1972), hal. 56.
34. Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1998), hal 109.
35. Ungku Aziz dan T.H Silcock, *Nationalism in Malaya*, dalam Asian Nationalism and the West, disunting oleh Holland, W.L, (New York : MacMillan, 1953), hal 9.
36. J.M Gullick, *Malaysia*, (Longmans : 1969), hal 85.
37. John Bastin dan Harry J. Benda, op.cit, hal. 57.
38. Wan Abdul Kadir, *Islam dan Nasionalisme Budaya Melayu*, (Petaling Jaya : Masfami, 1993), hal. 15.
39. Ibid, hal. 12.
40. Ahmad Boestamam, *Kaum Muda Kaum Tua: Perubahan dan Reaksi, Nasionalisme Melayu*, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1975), hal. 71.
41. Mohd. Sarim Haji Mustajab, *Gerakan Islah Islamiah: Kajian Terhadap Tiga Tokoh Pelopornya, Melaka Dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1996), hal. 117.
42. Ibid, hal 118.
43. Ibid, hal 119.
44. Ibid, hal 120.
45. Abu Bakar Hamzah, *Al-Imam: It's Role In Malay Society 1906-1908*, (University of Kent, Canterbury, Kent, 1981), hal. 116.
46. Ahmad Boestamam, op.cit., hal. 72.
47. William R. Roff, *Bibliography Of Malay And Arabic Periodicals*, (London : Oxford University Press, 1972), hal. 9.
48. Abu Bakar Hamzah, op.cit., hal 117.

49. Ibid, hal 120.
50. Ahmad Boestamam, *Peranan Surat Khabar Anak Negeri dan Nasionalisme Melayu*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975), hal. 200.
51. Ibid, hal. 203.